UCAPAN YB DATO' SERI UTAMA DR. RAIS YATIM
MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN
DI MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA SEMI 2009 DAN
LAWATAN EDITOR KANAN REPUBLIK INDONESIA
PADA 8 DISEMBER 2009
DI RESTORAN SERI ANGKASA, MENARA KUALA LUMPUR

Hilang bilah dekat kuala
Jadikan pagar di tepi kolam
Awal Bismillah pemula kata
Bertanya khabar dengan salam.

Assalamualaikum warahmatullahi taalawabarakatuh.

Saudara Pengerusi Majlis, Yang Berbahagia Tan Sri Daie Mokhtar selaku Duta Besar bagi Republik Indonesia dan para pegawai tinggi yang bersama-sama dengan beliau, Yang Berbahagia Datuk Ketua Setiausaha Kementerian, Yang dihormati saudara Tatang Budi Utama Razak, tidak lupa Bapak Tarman Azam, Ketua Wartawan Republik Indonesia, saudara saya Datuk Chamil Wariya mewakili Persatuan Wartawan Indonesia dan Malaysia dalam program bertukar-tukar lawatan ini, sahabat saya Tan Sri Zam, tidak lupa Pengurus Besar kawasan yang kita lawati malam ini, iaitu KL *Tower*-nya, Datuk Zul, Ketua-Ketua Pengarah, jemputan-jemputan, Tan Sri-Tan Sri, Datuk-Datuk, hadirin hadirat yang dikasihi sekalian.

Ke pekan sudah ke sinun sudah
Ke Mentakab saja yang belum
Makan sudah minum pun sudah
Bercakap saja yang saya belum.

Oleh kerana bak kata pengerusi tadi, saya harus melengkapkan pertemuan kita malam ini dengan ucapan ringkas, maka saya cubit paha kanan saya mengingatkan jangan lama-lama.

Oleh itu dalam sesi pertemuan ini ungkapan pertama yang harus saya hamburkan ialah mengucap syukur Alhamdulillah, di atas keizinan yang diberi oleh Allah SWT, maka kita bertemu di KL *Tower* dan Presintnya pada malam ini, dengan dihadiri oleh rakan-rakan wartawan, jurnalis penulis dan semua yang terlibat dengan alam kewartawanan. Di atas peluang yang hebat inilah, kita anggap bahawa pertemuan ini merupakan pertemuan kekeluargaan. Dalam situasi yang dapat kita terima, sesi dagang dan sesi ekonomi yang diadakan pada petang tadi, tengah hari tadi, di anggap sebagai kejayaan yang hebat bagi rakan-rakan yang datang dari Indonesia kelmarin. Ini dikatakan sedemikian oleh kerana Tun Dr Mahathir sendiri telah menzahirkan perasaan puas hati apatah lagi Perdana Menteri dan juga rakan-rakan kami dalam kerajaan Malaysia. Untuk itu, tak keberatan mari kita beri tepukan kepada rakan-rakan kita yang menjayakan program yang telah kita susun sedemikian.

Kepada saudara Datuk Chamil dan kawan-kawan yang berusaha mengadakan program ini dengan rakan-rakan kita dari Indonesia khususnya Bapak Tarman, kita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan, oleh kerana ini merupakan satu-satunya permulaan

daripada perkara yang telah berkembang di akhir-akhir ini yang menyebabkan kita perlu melihat kembali situasi dan juga keadaan yang telah menyelubungi kita. Sementara kita dapat hasil dari perbincangan tadi, sesungguhnya kesejahteraan kita bersama penting iaitu kita mempunyai jadual dan rencana yang lebih hendaknya setelah kita bercerita tentang dagang, setelah kita bercerita tentang ekonomi, asas dagang ekonomi, asas kewangan ikhtisas adalah hubungan manusia.

Jadi dalam konteks yang sedemikian kita berharap program-program yang dapat kita susun bagi tahun hadapan yang melibatkan alumni kita, masyarakat kita, di anjur di kedua-dua segmen Nas Nusantara. Satu di Indonesia, satunya di sini. Lepas di sini ke Jakarta, dari Jakarta kita kembali ke mari, dan dalam pada itu seharusnya kita berfikir, apakah osmosis sosial yang boleh kita teruskan dan amalkan bersama, supaya seperti tali tiga sepilin dapat kita kuatkan persaudaraan ini yang bukan bermula petang semalam atau petang kelmarin tetapi bermula semenjak dunia terbentang. Justeru dapat kita katakan malam ini, dunia terbentang itu ialah;

Pisau raup si bongkok ulu
Bentang tikar di tengah halaman
Pasir dan laut menjadi guru
Alam terbentang jadi pedoman.

Pedoman inilah, pedoman yang buruk, pedoman yang cantik. Pedoman yang memberi kita satu nafas baru sebagai kekeluargaan, sebagai pewaris sejarah, sebagai pewaris budaya, seni, bahasa dan perjuangan bersama.

Saya selalu membandingkan antara Malaysia dan Indonesia dengan United Kingdom dengan Amerika Syarikat. Walau apa pun berlaku dalam dunia, sekiranya batuk Amerika maka selesema United Kingdom. Begitu intim mereka. Apa saja dikatakan oleh Bush maka Perdana Menteri di United Kingdom sokong. Walau pun kita tidak dapat ke tahap itu barangkali oleh kerana mainan dan peranan media, saya percaya satu masa nanti, *psyche* kita, jiwa kita sebagai penghuni dua negara ini, kita lihat tradisi dan perjuangan itu tidak berubah seperti isi dengan kuku rapatnya dan seperti jangkauan tangan dan jari jemari perjuangan kita.

Saudara saudari yang dikasihi sekalian,

Tentunya soal persaudaraan kita, tentunya tali kekeluargaan, sejarah dan budaya sama-sama penting. Masa depan bersama perlu kita lihat seperti Inggeris berkata '*We have a shared future'*. Bukan sebab Selat Melaka hanya 21 batu, bukan hanya sebab dari Batam ke Jakarta dekat atau dari Riau ke Johor dekat, tetapi kita sudah dicetuskan semenjak Majapahit menjangkau ke Sriwijaya, dari Silendra kepada Langkasuka, dari bahasa dan perjuangan bersama sejarah telah mengatur dunia sebelah sini sebagai dunia Melayu Indonesia. Malah seorang yang cerdik pandai pernah berkata di Singapura, mereka berkata, '*We must be careful because we are surrounded by the Malaysist.'* Ini jauh perginya, tetapi kita ingin menginterpretasikan ayat itu sebagai bahawa, besar rupanya dunia Melayu ini, dunia Nusantara, dunia yang dikembangkan oleh nenek moyang kita.

Saya tertarik sangat dengan ungkapan ‘serumpun’. Walau pun mungkin ramai anggota masyarakat yang luaran di sana berkata, “Ah, tak payah lagi disebut tentang budaya serumpun, tentang sejarah serumpun, tentang perjuangan serumpun”. Jika nadi dibuang ke tepi perjuangan serumpun, kurang-kurang mesti ada budaya serumpun. Kalau nak dibuang lagi sentimen-sentimen yang luaran, sekurang-kurangnya seni serumpun masih ada.

Hal-hal yang berkaitan dengan mencari dan memelihara persamaan mesti kita teruskan. Kita perlu mencari juga beberapa perbedaan. Memang kita tidak boleh menyatakan semuanya tepat, ada yang rencongnya. Memang kita tidak boleh mengatakan semunya genap, malah boleh kita gandakan mengukur tetap kita perlu buat. Jadi kenusantaraan kita menjangkau abad dan kurun. Hikayat Sejarah Melayu kita melibatkan Majapahit, melibatkan Bukit Siguntang, Wan Empuk Wan Malini, melibatkan apa yang telah disebutkan sebagai asal usul bagi Melaka, bagi Singapura, bagi Majapahit dan dunia yang telah saya sebutkan tadi. Untuk ini sahaja, kita boleh lihat semula bagaimana seorang sarjana Perancis bernama George Coedes mengatakan dalam bukunya “*The Indianized States Of Southeast Asia*”. Beliau berkata “*The Malay world is it well preserved in it cultural habitat and* intrinsic *value that float over time willing the time of Hinduism, the time of Buddhism and the time of Islam”.* Ini bukan orang Islam yang cakap tetapi seorang sarjana luaran. Sekiranya beliau boleh melihat, yakni George Coedes melihat hal ini sedemikian, kenapa tidak kita. Jangan-jangan ada pihak yang tidak suka kepada kesatuan, osmosis budaya, perjuangan bersama, sejarah dan sebagainya. Kalau inilah dapat kita ketahui, tentulah para intelek, kedua-duanya di Sumatera dan di Semenanjung, dari Jawa, dari Moluccas atau Celebes dari Bugis

membawa kepada Kalimantan dan ke Kuala Lumpur akan dapat kita temukan titik persejarahan dan juga kebolehan kita untuk berdiri di atas hak yang sudah dicipta oleh sejarah sendiri.

Hadirin terhormat, saya berjanji tadi tidak harus cakap panjang. Jadi saya cuba seperti rentas desa agar cepat saya sampai ke kampung sebelah sana. Cuba bayangkan malam tadi saya di Padang dan sekarang saya bertemu dengan cerdik pandai yang menulis koran akhbar di Kuala Lumpur, jarang kita dapat peluang begitu. Kalau di Padang saya boleh berpantun berseloka secara Minang dan kembali di sini bercakap dalam bahasa yang boleh kita fahami yang menjadi hubungan komunikasi universal ialah Bahasa Melayu - Bahasa Indonesia. Bahasa inilah semacam mimpi kita diterjemahkan ke dalam perbuatan. Menerusi bahasa inilah 300 *million* atau juta manusia berhubung tanpa kamus yang disediakan oleh *Oxford Dictionary* yang kita boleh terus menerus mengosmosiskan perjuangan kita untuk masa depan.

Saudara saudari,

Tetapi pandangan ini masih ada orang kata "Tak payahlah begitu, sebab kalau salah ada lopaknya, kalau durian ada ruangnya". Baik kita terima begitu tidak mengapa sebab suasana politik dunia memang sedemikian, tetapi dalam soal hidup, kita hidup menerusi penggunaan bahasa, menerusi sejarah dan kebudayaan. Oleh yang demikian alangkah baiknya kalau 300 juta manusia ini sekurang-kurangnya mempunyai identiti kesejagatan di Nusantaranya dalam Asia. Apakah tidak ingin bagi kita dalam Asian misalnya, dalam mencari satu identiti tadi Bahasa Indonesia - Bahasa Melayu itu hendak diterjemahkan

sebagai bahasa Asia. Ini cantik tetapi bagaimana harus kita jalankan halangan-halangan yang disebut-sebut oleh beberapa pihak dalam media harus kita sama-sama hadapi. Barangkali apabila kita pulang ke Jakarta, idea untuk mengosmosiskan budaya kita ini perlu kita lakukan.

Memang juga orang sebelah barat berkata "*Familiarity breeds contempt",* tapi kita pun nak berkata begini **"***Absence makes the heart grow fonder".* Dengan lain perkataan kalau ada sedikit geseran, kalau ada sedikit sebutan tentang ambil hak itu bawa ke mari, atau tentang sebutan bahawa bibit budaya itu ada di Johor, ada di Negeri Sembilan, ada di Selangor, ada di Perak atau di negeri-negeri lain, yang juga dapat bibit itu di Jawa, atau di Minangkabau, kita harus pulang kepada satu fakta, 3,000 ke 4,000 tahun dahulu apabila *the origin of Asian and Southeast Asian* melanda turun daripada Yunan terus ke bawah ke Sumatera, ke Semenanjung, ke Borneo dan ke lain-lain tempat. Apa yang mereka bawa? Yang mereka bawa ialah bahasa, budaya dan cara hidup mereka.

Makanan kita malam ini bila-bila boleh dapat di Padang, bila-bila boleh dapat di Jakarta, bila-bila boleh dapat di Puntianak, walau pun hantunya tidak ada lagi di sana. Ini semua adalah lumrah yang harus kita bangga. Sekiranya kita gabra tentang apa yang disebut sebagai 'pendet', kita katakan ok, 'pendet' itu bukan dibuat oleh mana-mana pihak di sini tetapi oleh Singapura. Tetapi kalau mereka mengatakan 'angklung' ada di Jawa tetapi kenapa ada di Kuala Lumpur, boleh kita katakan bahawa 'angklung' juga ada di Kemboja, ada di Vietnam, ada di China dan sebagainya. Apabila ada tarian singa di Beijing atau di Shanghai, kita dapati di San Francisco, kita dapati di London dan kita dapati di Kuala Lumpur. Ini adalah apa yang disebut sebagai *'Migration of Culture'* yang

tak dapat kita dipisahkan daripada *psyche,* jiwa orang yang merantau itu. Saya diberitahu oleh Richard Wiensted bahawa orang Minangkabau datang ke Melaka pada abad ke 15. Orang Jawa terus ke Melaka semasa Parameswara di sana lagi. Dan apabila mereka menetap di Negeri Sembilan, di Sabak Bernam, di Negeri Johor maka budaya orang Jawa kitalah mereka bawa. Yang si Minang tadi bawalah juga sanwangnya, bawalah juga kerandainya dan juga dendang-dendang sawahnya.

Jika ini dianggap sebagai tidak boleh, maka saudara saudarilah sebagai penulis bijak yang menggunakan intelektual yang tinggi untuk menyerlahkan perjuangan kita bersama. Bagi saya, saya telah sebutkan tadi kepada rakan-rakan khususnya kepada Tan Sri Daei dan juga kepada ketua rombongan kita untuk menyatakan secara khusus bapa teman program kita selepas ini secara ikhlas kita susun kembali dan kita perkukuhkan ukhuwah Islamiah itu dan mengisi tuntutan-tuntutan asas. Mana yang tak boleh kita bawa, kita tinggalkan dahulu, tetapi mana yang boleh dikendong kita bawalah untuk generasi yang akan datang yang sebahagiannya diwakili oleh anak-anak kita pada malam ini.

Saudara yang dihormati sekalian,

Begitulah saya rasakan janji tadi mungkin tidak terlampau sedikit, jadi orang kampung saya berkata, ini namanya, pantang kena ubat terlampau. Jadi kalau terlampau di situ, berilah saya ubatnya. Jadi angkat tangan, cukuplah wahai si Rais Yatim bercakap pada malam ini. Saya mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Bersama, kepada rakan-rakan yang bertungkus lumus macam Datuk Jalal dari JPM, serta

pada malam ini, saya juga tidak lupa, Zul, persembahan kita yang turun dari langit tadi. Boleh kita katakan begini;

Helang di langit berlegar-legar,
Guntur di gunung bersuki-suki,
Yang jatuh dari langit jadi khabar,
Yang datang ke bumi jadi mimpi.

Jadi malam ini kita mimpi sedap iaitu kala dewata turun dari langit dan kita makanlah bersama-sama. Tapi saya fikir makan malam ini agak gelap jadi mana yang tak nampak tadi kalau tercekik tulang, pohon maaf. Saya akhiri dengan ungkapan;

Kalau berdentum di gunung daik
Itulah tanda orang menurun
Berhimpunlah kita anak-beranak;
Kalau terlentung masa naik
Dan tersinggung masa turun
Berilah ampun banyak-banyak.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.